



Headline: RM2,500 habuan Macau Scam
Publication/Portal: Utusan Malaysia
Date: 25 November 2018

Language: Malay
Section: Dalam Negeri
Page: 68



HARJINDER KAUR GURDIAL SINGH mengedarkan risalah skim penipuan internet dalam Pameran Jenayah Komersial di AEON Mall Shah Alam, Selangor, semalam. - MINGGUAN/SAHARUDDIN ABDULLAH

RM2,500 habuan Macau Scam

Oleh ZULKIFLI SAINUDDIN

pengarang@utusan.com.my

SHAH ALAM 24 Nov. - Bagi mengelak kegiatan mereka dikecualikan pihak berkuasa, sindiket Macau Scam kini giat menjadikan golongan pelajar sebagai keldai mereka untuk membuka akaun yang digunakan dalam kegiatan jenayah terbabit.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Selangor, Asisten Komisioner Harjinder Kaur Gurdial Singh berkata, golongan pelajar yang kebanyakannya penuntut di institut pengajian tinggi (IPT) ditawarkan komisen sehingga RM2,500 bagi setiap pembukaan satu akaun.

Menurutnya, selain pelajar, golongan yang turut menjadi sasaran ialah pengangguran, penagih dan warga emas.

"Sindiket ini mengambil ke-

sempatan di atas keterdesakan golongan terbabit untuk mendapatkan wang dengan menawarkan komisen jika mereka membuka akaun untuk sindiket itu.

"Apa yang mangsa perlu lakukan hanya membuka akaun di atas nama mereka dan kemudian menyerahkan kad pengeluaran wang automatik (ATM) itu kepada ejen sindiket yang dilantik dan biasanya telah menunggu di luar bank," katanya kepada pemberita selepas menghadiri pameran jenayah komersial di AEON Mall di sini, hari ini.

Mengulas lanjut, Harjinder menasihati orang ramai terutama pelajar supaya tidak membuka akaun untuk sindiket Macau Scam kerana mereka akan bertanggungjawab atas transaksi jenayah yang dilakukan.

Katanya, mereka yang didapati berbuat demikian boleh

didakwa mengikut Seksyen 424 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum lima tahun, denda atau kedua-duanya.

"Ada yang kata tak tahu (bila ditahan) tapi dapat duit atas angin, takkan tidak tahu? Nasihat saya, jangan bagi akaun dan kad ATM kepada sindiket kerana kamu yang bertanggungjawab atas jenayah dan transaksi yang berlaku dalam akaun itu."

"Tumpang duit pun jangan bagi, anda juga yang akan bertanggungjawab. Jangan sewenang-wenang bagi orang lain kad ATM," ujarnya.

Dalam perkembangan lain, tambahnya, berdasarkan laporan statistik, jumlah kerugian yang dicatatkan bagi kes komersial di Selangor bagi tahun ini sehingga hari ini berjumlah lebih RM444 juta melibatkan 4,648 kes.